



## **2.0 TAMBAHAN KEPADA GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN KENDERAAN**

2.1 Syarat-syarat permohonan di bawah perenggan 6.0 Pekeliling Bendahari bil 4/2007 ditambah seperti perkara berikut:-

2.1.1 Bagi permohonan pembiayaan kenderaan terpakai, pemohon dibenarkan untuk membeli kenderaan milik suami/isteri, anak/bapa/ibu sendiri jika pembelian tersebut adalah pindah hakmilik (transfer loan) dari pihak bank.

2.1.2 Permohonan pembiayaan untuk membeli kereta oleh seseorang pegawai bergaji kurang daripada RM1,200.00 sebulan hanya boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pembiayaan Kenderaan & Komputer (JPKK) dengan syarat berikut:-

2.1.2.1 Ketua Jabatan memperakukan bahawa:-

- a) Pegawai itu tidak dapat menjalankan tugas rasmi dengan cekapnya setiap hari tanpa menggunakan sebuah kereta sendiri atau pegawai yang berkenaan telah disahkan oleh Lembaga Perubatan (Perintah Am Bab F) sebagai tidak boleh menunggang motosikal;
- b) Pegawai mempunyai lesen memandu yang sah;
- c) Jumlah amaun potongan bulanan pembiayaan kenderaan tidak boleh melebihi 1/3 daripada gaji pokok serta elaun-elaun;

- d) Jumlah perjalanannya kerana tugas rasmi adalah tidak melebihi daripada 200km tiap-tiap bulan selama 3 bulan berturut-turut; dan
- e) Pegawai yang berkenaan telah diberi kelulusan unuk menuntut Elaun Hitungan Batu Kelas C.

2.1.3 Bagi staf kontrak, tempoh pembiayaan adalah bersamaan dengan tempoh perkhidmatan;

2.1.4 Penjamin-penjamin hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-

2.1.4.1 Merupakan staf UMP yang masih berkhidmat dalam tempoh pembiayaan dibuat;

2.1.4.2 Staf hanya boleh menjadi penjamin kepada maksima dua (2) orang peminjam sahaja.

2.1.4.3 Gaji bersih bulanan penjamin hendaklah tidak kurang daripada 40% setelah ditolak jumlah ansuran bulanan peminjam.

2.1.5 Lain-lain syarat adalah sama seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Bendahari Bil. 4/2007 – Pembiayaan Kenderaan UMP.


### **3.0 TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2008 ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

A rectangular box containing a handwritten signature in black ink. The signature is cursive and appears to read 'Zainudin Bin Othman'.

**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Pahang

s.k **Y.H Profesor Dato' Dr. Mohamed Said Bin Mat Lela**  
Naib Canselor

**Y. Bhg Profesor Dr. Sabarudin Bin Mohd.**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Tn. Hj. Mustafa Bin Ibrahim**  
Pendaftar